

# INDUSTRI MERCUN PERLU TAK

Tanpanya ekonomi  
negara tak akan  
terjejas — PM

**K**UALA LUMPUR 16 Mei  
— Dato' Sri Dr. Mahathir  
Mohamad hari ini mem-  
bayangkan bahawa kerajaan  
akan memberhentikan terus  
industri membuat mercun dan  
bunga api di negara ini.

"Saya berpendapat industri seperti ini tidak perlu dalam negara kita. Saya yakin, tanpanya, pertumbuhan ekonomi negara tidak akan terjejas," katanya kepada pemberita ketika melawat tapak kilang Bright Sparklers Sdn. Bhd., di Sungai Buluh yang meletup 7 Mei lalu.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kerajaan akan mengkaji sama ada menarik balik lesen yang telah dikeluarkan atau menghentikan pengeluaran lesen ataupun mengenakan syarat - syarat yang paling ketat bagi mengelakkan tragedi Sungai Buluh berulang.

"Banyak negara maju mengimport bahan -

Oleh  
**Razak Ali dan Razak Rashid**

bahan ini, saya syak mereka tidak suka kepada industri ini — bukan kerana mereka tidak boleh buat sendiri," tambah beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir menjelaskan, kerajaan memberi lesen mengeluarkan mercun dan bunga api pada tahun 1973 kerana ketika itu negara belum mempunyai banyak industri dan peluang pekerjaan pun tidak banyak.

"Kerajaan juga tidak terlalu memilih untuk mengadakan industri dan kita tidak tahu tentang bahayanya industri ini," tambah beliau.

Perdana Menteri berkata, ketika lawatannya ke Macau pada tahun 1960, beliau melihat sendiri bagaimana pekerja - pekerja membuat mercun di rumah.

"Kalau pakar teknikal dari Macau biasa dengan cara itu, maka sudah tentu dia tidak begitu

**LIHAT MUKA 2**

## UM 17 MAY INDUSTRI MERCUN TAK PERLU

menghargai keselamatan."

Beliau juga berkata, tragedi di Sungai Buluh tidak harus dijadikan isu politik, sebaliknya ia patut dijadikan pengajaran mengenai bahaya yang terdapat pada industri tertentu.

"Saya harap ini akan menjadi pengajaran, bukan hanya untuk kerajaan, betapa bahayanya mercun, sama ada dibuat di sini atau diimport.

"Semua ini berbahaya dan kita telah memberhentikan pengeluaran mercun, selain daripada bahan letupan yang diperlukan oleh tentera.

"Kita harus kaji industri yang datang ke sini supaya dapat mengelak industri yang terlalu bahaya," ujar beliau.

Katanya, tragedi di Sungai Buluh juga merupakan satu bukti permainan mercun dan bunga api patut diberhentikan, jika tidak, sudah tentu terdapat tempat membuat atau menyimpannya.

Beliau berkata, mercun sangat bahaya, bukan sahaja kepada orang yang bermain tetapi juga kepada penjual, pekerja di kilang dan orang - orang lain yang mengendalikannya.

"Semasa saya bekerja di Hospital Besar Alur Setar dulu, berlaku letupan yang dahsyat di sebuah kedai menjual mercun, menyebabkan banyak kematian dan kecederaan," kata beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, usaha melarang pembakaran mercun tidak berjaya kerana kerajaan hanya menyekat kemasukan bahan itu daripada luar sedangkan ia dikeluarkan sendiri di sini.

Perdana Menteri menyifatkan tragedi di Sungai Buluh sebagai sangat menyedihkan dan kerajaan akan berusaha untuk membantu keluarga mangsa yang terlibat.

Beliau seterusnya menasihatkan semua pihak supaya berhenti membuat kenyataan dan menunggu sehingga Suruhanjaya Siasatan Diraja membuat keputusan.

"Kenyataan yang saya buat ini hanya daripada segi pengajaran dan saya tidak menyalahkan sesiapa dalam perkara ini," jelas beliau.

Beliau memberitahu, sisa - sisa toksid daripada tapak kilang di Sungai Buluh itu akan dipindahkan ke kawasan pembuangan yang sesuai dalam tempoh dua minggu dari sekarang.